


# PIO

PELAN INTEGRITI ORGANISASI



## 1 MEKANISME INTEGRITI

Integriti telah membangunkan beberapa mekanisme untuk membantu organisasi merangka, melaksana dan memantau pelan integriti masing-masing.

### Integrity Assessment Tool

IAT adalah berdasarkan rangka kerja CISM yang dijadikan contoh untuk mendukung inisiatif integriti korporat dalam meningkatkan tadbir urus korporat. IAT digunakan untuk menilai keadaan integriti dengan mengenal pasti jurang dan halangan yang dihadapi oleh organisasi bagi mencapai standard etika yang tinggi.

IAT

### Malaysian Integrity Profile

Untuk mengenal pasti kecenderungan seseorang individu sama ada tetap konsisten untuk jujur dalam setiap tindakan, mempunyai nilai dan prinsip di samping untuk menilai profil atau kecenderungan individu untuk terlibat dalam tingkahlaku yang tidak produktif.

MIP

### Plan Integriti Organisasi

Pelan ini menggariskan pernyataan masalah, melalui pendekatan dan program yang berkaitan dengan semua aspek dalam memperbaiki jurang seperti pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan.

PIO

### Pemantauan/penilaian

Bertujuan memantau, mengukur dan menilai kemajuan inisiatif Pelan Integriti yang dilaksanakan oleh Syarikat dan/atau agensi. Menggunakan rangka kerja sistem pengurusan berasaskan hasil, 'monitoring dashboard' yang tertumpu kepada hasil dan impak setiap aktiviti program.

Monitoring Dashboard

### Pembangunan Integriti Bersama Komuniti

PIBK adalah satu pendekatan yang melibatkan pembelajaran mengenai keperluan pelanggan, cabaran penyampaian perkhidmatan, menyokong masyarakat dan syarikat untuk menjayakan inisiatif integriti bagi penyelesaian yang praktikal, dan pemantauan berterusan serta penyampaian perkhidmatan.

PIBK

## PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO)

Pelan tindakan integriti yang digubal untuk membantu agensi bagi membangunkan strategi integriti korporatnya sendiri secara menyeluruh. Pelan ini menggariskan pernyataan masalah, melalui pendekatan dan program yang berkaitan dengan semua aspek dalam memperbaiki jurang seperti pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan.

Perumusan Pelan Integriti Nasional (PIN) adalah selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu "Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi budi pekerti yang luhur". Pelan Integriti Organisasi adalah perancangan pemantapan integriti yang bersepadu, komprehensif dan holistik. Pelan ini akan memberikan impak yang tinggi kepada tahap profesionalisme individu di setiap institusi dan sektor dalam masyarakat dan negara.

Ini kerana pelaksanaannya akan meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga organisasi tentang nilai-nilai kerja beretika dan berintegriti, selain memperkukuhkan asas moral dan meningkatkan daya saing organisasi dalam usaha menangani cabaran globalisasi. Untuk menjamin kejayaan gerakan pemantapan integriti, pelaksanaan, pemantauan serta penyelarasan pelaksanaan program haruslah dilakukan dari semasa ke semasa secara menyeluruh dan berkesan.

## 2 PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI



### PENDIDIKAN & PENGUKUHAN

Memberi kefahaman dan kesedaran mengenai nilai, etika, integriti serta kepentingannya kepada organisasi;

Memantapkan penanda aras dan petunjuk utama prestasi (key performance indicator) bagi setiap program/aktiviti.

### KOMUNIKASI & PENYELARASAN

Menggunakan pelbagai saluran komunikasi sebagai medium utama mempromosikan pembudayaan nilai-nilai murni.

### PENCEGAHAN & PUNITIF

Mengesan dan mengenal pasti serta memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur kerja sedia ada serta mengurus bidang berisiko tinggi yang boleh membuka ruang serta peluang berlakunya pelanggaran integriti.

Menentukan tindakan punitif dilaksanakan berasaskan konsep keadilan dan pengajaran.

### PENGIKTIRAFAN & PEMULIHAN

Memantapkan sistem penilaian supaya lebih berkesan, adil dan saksama bagi tujuan pengiktirafan/penganugerahan kepada warga organisasi yang berintegriti serta dapat menjadi inspirasi dan contoh ikutan warga organisasi lain.

Melaksanakan program pemulihan kepada warga organisasi yang melanggar tatakelakuan atau yang berprestasi rendah atau berada dalam keterhutangan kewangan serius melalui program-program kaunseling dan motivasi serta memberi ruang kepada warga organisasi memperbaiki kelemahan diri.

### PENILAIAN

Pelaksanaan sistem dan prosedur kerja organisasi perlu sentiasa dikaji dan ditambahbaik agar matlamat Pelan Integriti Nasional (PIN) dan matlamat Pelan Integriti Organisasi serta objektif, visi, misi Organisasi dapat direalisasikan;

### PEMANTAUAN

Memantau dan memperkukuhkan pasukan pemantau pelaksanaan program dan aktiviti bagi memastikan tahap pencapaian dan keberkesanan program yang dilaksanakan.


### 3

## KEPENTINGAN PIO

- Menentukan dasar dan pelan tindakan nilai, etika dan integriti bagi melaksanakan agenda pematapan integriti di peringkat organisasi.
- Memastikan pelaksanaan menyeluruh dan berkesan terhadap penerapan, penghayatan dan pengamalan integriti.
- Melaksanakan pemantauan terhadap pelan yang telah dirancang.
- Menilai dan menambah baik pelan tindakan secara berterusan.
- Sebagai langkah pencegahan kepada kelemahan integriti.


### 4

## PROSES PELAKSANAAN PIO



### 5

## PROSES PRA-RUNDINGCARA PIO



### 6

## SIAPAKAH YANG AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADA PIO?



Untuk makluman lanjut, sila hubungi::

**Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)**

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
off Jalan Tuanku Abdul Halim  
50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: (603) 6209 2000 Faks: (603) 6203 1005

emel: [integriti@integriti.my](mailto:integriti@integriti.my) Laman web: [www.integriti.my](http://www.integriti.my)

